



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**  
**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN**  
**SAMBUTAN BULAN HRMIS 2023**  
**PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**TARIKH:**

**4 JULAI 2023 (SELASA)**

**LOKASI:**

**DEWAN TAN SRI M. YUSUFF,**  
**LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA, KAJANG**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

**SALUTASI**

Yang Dihormati Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nadzri bin Embong

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Yang Berbahagia Dato' Ir. Hj Zulkipli Bin Hj Nasri

Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)

Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim Bin Abdullah

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

Yang Berusaha Sr. Mohd Zaid Bin Zakaria

Timbalan Ketua Eksekutif II

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Yang Berusaha Ir. Sazali bin Harun

Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia

Setiausaha-Setiausaha Bahagian,

Pengarah-Pengarah Cawangan

Yang Berbahagia Datuk-Datuk/Dato'-Dato'/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian

1. Pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini bersempena dengan Majlis Perasmian Sambutan Bulan HRMIS 2023.
2. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pihak Kementerian khususnya Bahagian Pengurusan Sumber Manusia yang telah berjaya menganjurkan sambutan Bulan HRMIS bagi tahun 2023 ini secara kolaboratif. Saya difahamkan bahawa sambutan Bulan HRMIS 2023 ini adalah kali pertama diadakan secara inklusif melibatkan pihak Kementerian dan agensi. Ini adalah permulaan yang baik dalam memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama dan komitmen dalam keluarga besar Kementerian Kerja Raya.
3. Untuk makluman semua, setiap tahun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menganjurkan Sambutan Bulan HRMIS ini di peringkat nasional pada bulan Julai dan pihak Kementerian sentiasa mendokong serta menyambut baik penganjuran Bulan HRMIS ini.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

4. Dalam melaksanakan apa jua inisiatif lebih-lebih lagi di era digital ini, data amat diperlukan sebagai panduan ataupun rujukan utama. ***Data helps you make better decisions.*** Kecekapan penyampaian perkhidmatan yang berpacukan analitik data akan menjadi agenda Kerajaan pada masa hadapan dengan mengoptimumkan penggunaan dan perkongsian data melalui penciptaan produk data yang berpaksikan rakyat agar Perkhidmatan Awam terus diyakini dan dihormati.
  
5. Kesan pandemik COVID-19, ketidakstabilan ekonomi, perubahan iklim, krisis sekuriti makanan dan inflasi yang kita hadapi hari ini, menuntut penjawat awam supaya mempunyai kemahiran dalam menjangka masa hadapan. Ini perlu diperkukuhkan dengan kebolehan dan keupayaan untuk merancang, merangka, menambah baik dasar, peraturan dan proses kerja bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

6. Trend-trend masa kini seperti Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*), *Internet of Things (IOT)*, *Intelligent Apps*, *Artificial Intelligence* dan sebagainya harus dilihat dan digunakan dengan sebaik mungkin bagi memantapkan lagi sistem pengurusan pada masa kini. Keupayaan Kepintaran Teknologi perlu dipertingkatkan, dengan mengapikasi serta memaksimumkan penggunaan teknologi sedia ada bagi menghasilkan nilai tambah dalam penyampaian perkhidmatan.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

7. HRMIS telah mula dibangunkan dari tahun 1999 sebagai salah satu daripada projek perintis di bawah aplikasi Kerajaan Elektronik. Ini bagi membolehkan perancangan dan pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam lebih terencana dan berkesan. Pada masa tersebut, hasrat Kerajaan adalah bagi mengautomasikan proses kerja Pengurusan Sumber Manusia sedia ada.

8. Selaras dengan peredaran masa, HRMIS kini sedang bergerak ke arah menyokong hasrat Kerajaan dalam melaksanakan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam. Justeru itu, bagi memperkasakan penggunaan HRMIS dalam sektor awam, pihak JPA telah menetapkan tujuh belas (17) kriteria Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS bagi Kementerian, Agensi dan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri (termasuk agensi di bawah kawalan masing-masing).
  
9. Berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Dimensi Daya Saing Agensi & Tadbir Urus dan Akauntabiliti (Tier 2 & Tier 3) bagi Kementerian Kerja Raya, Kementerian menyasarkan pemarkahan lima (5) bintang dalam pelaksanaan modul HRMIS (Human Resource Management System) dengan markah melebihi 95%. Sukacita ingin saya katakan, **Kementerian Kerja Raya telah Berjaya mencapai sasaran lima (5) bintang sejak KPI HRMIS ini diperkenalkan pada tahun 2009. Syabas diucapkan buat semua warga Kementerian!**

10. Sempena Majlis Perasmian Bulan HRMIS 2023 ini, pelbagai aktiviti menarik telah disusun dan dirancang bagi menyemarakkan sambutan Bulan HRMIS pada tahun ini. Ia termasuk bengkel dan taklimat HRMIS; **pertandingan *treasure hunt* secara fizikal iaitu “The HRMIS Hunters”**, **kuiz Kahoot HRMIS**, **pertandingan reka cipta infografik**, **pertandingan Crossword Puzzle** dan **juga Hari Bertemu Pelanggan**. Saya berharap semua warga Kementerian dan Agensi mengambil peluang ini dan tidak ketinggalan untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan bulan HRMIS ini.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

11. Tetapi akhirnya, apa yang penting adalah setiap warga Kementerian dan agensi bersama-sama JPA perlu memberi penekanan kepada program-program pengurusan perubahan bertujuan untuk menimbulkan kesedaran, meningkatkan keinginan dan seterusnya menghasilkan tindakan di kalangan penjawat awam untuk menjadikan HRMIS sebahagian daripada budaya kerja harian. Semua warga kerja juga digalakkan untuk sentiasa menyemak dan memastikan agar setiap maklumat yang disenaraikan di dalam HRMIS adalah tepat, terkini dan boleh digunapakai. Pihak JPA juga akan terus memantau tahap penggunaan HRMIS di masa akan datang bagi memastikan hasrat pelaksanaan kerajaan elektronik dilaksanakan sepenuhnya.

12. Saya ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah di atas komitmen serta tanggungjawab semua Ahli Jawatankuasa Induk dan Pelaksana yang telah dilantik dalam merealisasikan sambutan Bulan HRMIS 2023 ini. Kerjasama yang terjalin antara Kementerian dan Agensi ini boleh diibaratkan seperti “Pisang sesikat gulai sebelanga, tanda muafakat bersama-sama”.

13. Di akhir kata, harapan saya agar program ini berlangsung seperti mana yang dihasratkan. Semoga program Sambutan Bulan HRMIS 2023 ini berjaya menjadi medan pertemuan yang terbaik buat semua Pengurus Sumber Manusia dan Pentadbir HRMIS di Kementerian dan agensi.

**“DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM  
SAYA DENGAN INI MERASMIKAN BULAN HRMIS BAGI TAHUN  
2023”**

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wa Alhidayah Wa Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wa Barakatuh*